

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN ABDUL
AZIZ**

TARIKH : 6 APRIL 2017

RUJUKAN : 9710

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bentuk-bentuk dan tahap keseriusan pengaruh Daesh dalam kalangan warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini penglibatan golongan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam aktiviti keganasan militan Daesh adalah terkawal. Untuk rekod, sejak Disember 2014 sehingga 8 Mac 2017, seramai 18 orang pelajar IPTA dan IPTS termasuk 3 pelajar warga asing telah ditahan kerana terlibat dengan kegiatan militan IS.